

**Polisi berasaskan kaum perlu dihentikan, kata Anwar  
Malaysian Insider  
26 September, 2012  
Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 26 Sept — Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menjanjikan polisi berasaskan kaum seperti yang dibawa oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB) kepada Bumiputera perlu dihentikan, kerana ia hanya memberikan kekayaan kepada sebilangan kecil komuniti berkenaan yang merupakan kroni.

Ketua Pembangkang itu juga menegaskan, PR menjanjikan "fasa baru tender terbuka yang kompetitif" untuk membantu rakyat Malaysia, seperti yang termaktub dalam Bajet Alternatif PR yang diumumkan di Parlimen hari ini.

"Polisi berasaskan kaum perlu dihentikan ... kita akan membantu golongan miskin untuk mendapatkan kemudahan seperti pinjaman mikro. Siapa yang terima faedahnya? Melayu. Mereka lebih ramai, jadi bila kita beri kepada orang India, ia tidak memberikan kesan kepada komuniti Melayu," katamya kepada pemberita hari ini.

Pakatan Rakyat (PR) menjanjikan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna oleh rakyat Malaysia dalam Bajet Alternatif mereka yang diumumkan dua hari sebelum Barisan Nasional (BN) membentangkan Bajet 2013.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pendapatan boleh guna akan meningkat melalui penurunan harga kereta, pemansuhan tol, dan pemansuhan pinjaman pelajaran, melalui bajet yang dibentangkan beliau hari ini.

Anwar turut berkata, kerajaan PR akan berupaya untuk menampung cadangan mereka itu tanpa meningkatkan kadar cukai, sebaliknya hanya mengawal ketirisan yang meningkat sebagai akibat daripada gejala rasuah dan ketidakcekapan.

Perdana Menteri juga dijangka akan membentangkan bajet kerajaan pada Jumaat ini yang berkemungkinan untuk menarik undi dan meletakkan harapan untuk memenangi pilihan raya walaupun kadar hutang negara yang semakin meningkat.

Pakar ekonomi berkata Najib akan melengahkan pembaharuan untuk meluaskan dasar cukai Malaysia dan mengurangkan kebergantungan terhadap simpanan minyak untuk sekurang-kurangnya setahun, dan mengumumkan langkah untuk membantu rakyat berpendapatan rendah bertarung dengan kenaikan harga barang.

Anwar menjelaskan, polisi Bumiputera telah di salahgunakan oleh kumpulan minoriti, sambil merujuk kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Sekarang anak-anak bekas PM mengawal berbilion ringgit hasil daripada petroleum. Bumiputera seharusnya mempunyai hak untuk mendapat hasil tersebut.

"Adakah ini menunjukkan kami meminggirkan komuniti miskin? Tidak! Itu sebabnya bajet kami mengambil kira kepentingan Bumiputera yang layak untuk bertanding," katanya.

Ditanya adakah kerajaan PR akan mengurangkan subsidi sekiranya menawan Putrajaya, Anwar berkata pakatannya itu akan melaksanakan polisi yang lebih telus untuk mengawal ketirisan yang timbul akibat gejala rasuah.

"Kami akan mengemukakan polisi di bawah kerajaan PR yang lebih telus dan menangani rasuah," katanya.

"Kami juga akan menjadikan proses pemberian kontrak yang lebih telus, dan melaksanakan open tender untuk menamatkan monopoli daripada keluarga menteri.

"Kemudian baru kami akan semak kemungkinan mengurangkan subsidi," katanya.

Ahli Parlimen Permatang Pauh ini juga menegaskan PR akan membentangkan situasi ekonomi Malaysia yang lebih "realistik" tahun hadapan, dengan saiz ekonomi Malaysia RM1,064 bilion dengan perkembangan ekonomi pada 5.2 peratus, kadar inflasi tiga peratus dan bajet defisit pada kadar 3.5 peratus.

"BN tidak pernah memenuhi ramalan ekonomi mereka. Mereka tidak jujur tentang angka," katanya

"PR akan lebih jujur tentang angka dan akan menunjukkan cadangan ekonomi yang lebih realistik," tambahnya.>

Anwar dan Najib dilihat menggunakan pendekatan populis untuk menarik undi dalam pilihan raya yang dijangka paling sengit dalam sejarah tanah air, dan kedua-duanya dilihat cuba untuk mengelakkan daripada menjanjikan langkah perubahan yang drastik.

Najib perlu melaksanakan pilihan raya ke-13 hingga April tahun depan namun telah pun mengumumkan beberapa siri pemberian tunai, termasuk RM2.6 bilion tunai kepada keluarga berpendapatan rendah.

Anwar dan Najib dilihat menggunakan pendekatan populis untuk menarik undi dalam pilihan raya yang dijangka paling sengit dalam sejarah tanah air, dan kedua-duanya dilihat cuba untuk mengelakkan daripada menjanjikan langkah perubahan yang drastik.

Najib perlu melaksanakan pilihan raya ke-13 hingga April tahun depan namun telah pun mengumumkan beberapa siri pemberian tunai, termasuk RM2.6 bilion tunai kepada keluarga berpendapatan rendah.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/polisi-berasaskan-kaum-perlu-dihentikan-kata-anwar/>